

22/09/1998

Temasya paling unggul dekad ini: Hashim

KUALA Lumpur '98 berjaya memulihkan status Sukan Komanwel dengan memastikan ia berlangsung penuh gemilang dan kini terserah kepada Manchester untuk meneruskan kecemerlangan itu apabila membuka tirai temasya alaf baru pada 2002.

Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98), Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali, berkata Malaysia sudah meletakkan Sukan Komanwel kembali ke puncak kemasyhuran, selepas bertungkus-lumus sejak lapan tahun lalu.

"Kuala Lumpur '98 - Sukan Komanwel XVI kini hampir berakhir dan saya gembira kerana kami berjaya memenuhi jangkaan dan janji kami - temasya terbaik dekad ini dan kita semua menyaksikannya di Kuala Lumpur."

"Kerajaan Malaysia, rakyat Malaysia, ribuan sukarelawan dan Sukom Ninety Eight Berhad berjaya menyerahkan `Komanwel Olimpik' bukan sahaja kepada Persekutuan Sukan Komanwel, malah dunia," katanya ketika berucap dalam upacara penutup di Stadium Nasional, malam tadi.

Upacara penutup itu disempurnakan Ratu Elizabeth II, yang ditemani Putera Philip. Turut hadir ialah Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah serta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hashim berkata temasya kali ini hampir mencipta kesempurnaan apabila mencatat jumlah penyertaan kontinjen terbesar, rekod kejohanan paling banyak serta pertama kali menyenaraikan sukan berpasukan.

Dia turut menyatakan rasa bangga kerajaan dan rakyat Malaysia kepada semua atlit negara yang mencatat prestasi paling cemerlang apabila memenangi 10 pingat emas.

"Kepada atlit Malaysia, izinkan saya sekali lagi berkata kami berbangga dengan pencapaian anda. Anda memenuhi impian serta semangat kejohanan dengan persembahan begitu cemerlang."

"Kuala Lumpur '98 bukan di penghujung tetapi ia adalah satu permulaan kepada masa depan lebih cerah bagi semua atlit Malaysia," katanya.

Kepada atlit tamu, Hashim berharap mereka pulang dengan membawa bersama kenangan manis.

"Berkongsilah dengan teman, saudara mara dan orang tersayang mengenai kegembiraan yang anda nikmati di Kuala Lumpur. Saya harap anda gembira sepanjang berada di sini, segembira kami menjaga anda," katanya.

Dia turut mengucapkan selamat kepada Manchester, tuan rumah temasya 2002.

"Kami sudah pasti tidak sabar menunggu Sukan Komanwel pertama alaf akan datang dan kami sudah pasti ke sana," katanya.

(END)